

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Datang lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79492530 (kaunter janjitemu)

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

JANJI TEMU & MAKLUMAT Pemeriksaan

RADIO FREQUENCY ABLATION (RFA)

BAHAGIAN PEMERIKSAAN:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

CAJ PROSEDUR : RM.....

CAJ PERALATAN : RM.....

ALAHAN / ASMA : YA / TIDAK

NOTA PENTING!!!! Sila lihat di mukasurat belakang brosur .

RadioFrequency Ablation (RFA)

1. Apakah prosedur *RadioFrequency Ablation* (RFA)?

Ia adalah rawatan *minimally invasive* untuk penyakit kanser terutamanya kanser hati, paru-paru atau ginjal. Ketumbuhan dibunuh menggunakan haba yang dihasilkan oleh jarum khas (elektrod) yang dimasukkan ke dalam ketumbuhan tersebut. RFA sesuai untuk merawat kanser kecil bersaiz kurang daripada 3cm. Jika ketumbuhan lebih besar, beberapa rawatan susulan mungkin diperlukan.

2. Bagaimana RFA dilakukan?

Anda perlu dimasukkan ke hospital (wad) untuk prosedur ini. Rawatan ini dilakukan di bawah bius sepenuhnya (GA). Jarum khas (elektrod) akan dimasukkan ke dalam ketumbuhan melalui kulit dengan bantuan pengimejan seperti CT scan, ultrasound. Elektrod akan dipasang kepada mesin yang memanaskan arus elektrik berfrekuensi tinggi dan ini akan menghasilkan haba yang akan membunuh ketumbuhan tersebut. Haba yang dihasilkan juga akan menutup salur darah-salur darah kecil yang berdekatan sekaligus mengurangkan risiko pendarahan. Di akhir prosedur ini, elektrod akan dikeluarkan. Tekanan akan diberikan untuk memberhentikan pendarahan di kulit dan luka di kulit akan ditutup dengan *dressing*.

3. Apakah risiko, komplikasi atau kesan sampingan prosedur ini?

Pengimejan menggunakan kontras media mungkin akan dilakukan sebelum / selepas prosedur RFA. Risiko reaksi yang teruk terhadap kontras media adalah sangat rendah dan prosedur ini dilakukan di dalam keadaan steril untuk mengurangkan risiko jangkitan kuman. Terdapat risiko pendarahan yang selalunya akan berhenti dengan sendirinya. Pesakit boleh merasa mual dan sakit selepas rawatan. Keadaan ini boleh dikawal dengan ubat. Pesakit boleh mengalami "*post ablation syndrome*" seperti gejala demam selsema yang muncul 3 hingga 5 hari selepas rawatan dan selalunya berterusan selama 5 hari. Keadaan ini boleh dikawal dengan ubat.

4. Apa yang boleh saya jangkakan selepas prosedur ini?

- Anda sepatutnya boleh kembali ke aktiviti-aktiviti biasa dalam masa beberapa hari..
- Anda patut mendapatkan rawatan perubatan sekiranya anda mengalami demam panas atau demam berlarutan selepas discaj daripada hospital.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan RFA (PENTING!!!)

- Anda dikehendaki menandatangani borang keizinan.
- Branula akan dipasangkan kepada lengan anda.
- Anda dikehendaki berpuasa selama 6 jam sebelum prosedur. Bagi pemeriksaan petang, anda dibenarkan mengambil sarapan pagi yang ringan dan berpuasa selepas itu.
- Pastikan anda tiada alahan 'allergy' terhadap ubatan dan makanan laut serta tidak menghidap penyakit lelah / asma. Jika ada, diminta memberitahu kepada Pakar Radiologi untuk tindakan selanjutnya.
- Pemeriksaan bagi wanita pula dijadualkan 10 hari dari tarikh pertama pusingan haid melainkan putus haid atau mengamalkan langkah pencegah kehamilan.
- Memaklumkan kepada Pakar Radiologi jika anda menghidapi AIDS, Hepatitis, 'Sexually Transmitted Disease' dan penyakit pendarahan.
- Pastikan pemeriksaan sinar-X anda yang lama seperti CT-Scan, Ultrasound atau lain-lain (dari hospital luar) dibawa bersama nota kes ketika datang ke Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan.
- Jika terdapat pendarahan atau bengkak ditempat suntikan, sila maklumkan kepada doktor yang berkenaan.

Doktor/ staf terlibat hendaklah diberitahu segera sekiranya:

Jika terdapat sebarang perubahan yang ketara pada denyutan nadi, tekanan darah yang diambil sebelum dan selepas prosedur dijalankan. Jururawat perlu memaklumkan kepada pakar terlibat dan langkah-langkah yang sepatutnya perlu diambil.